

1. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Taman Tunku Abdul Rahman atau Taman TAR kepada kebanyakan masyarakat Sabah, merupakan taman samudera yang boleh dikunjungi di Malaysia. Perjalanan dengan bot dari Kota Kinabalu hanya memakan masa 15 minit sahaja. Maka taman laut itu amat sesuai bagi pelawat yang balik hari dan mereka yang suka berkhemah sambil menikmati keindahan taman laut negara tanpa berjalan jauh untuk sampai ke situ.

Daya penarik Taman TAR bukan saja terletak pada pantai dan batu karang yang indah, tetapi juga pada rintisan-rintisan sejauh lebih 20 km untuk mereka yang lebih suka berada di darat dan yang gemar berjalan kaki. Ditubuhkan pada tahun 1974, Taman TAR merupakan salah satu daripada enam kawasan simpanan di Sabah yang diwartakan untuk tujuan pemuliharaan. Tiga daripadanya ialah taman laut, iaitu Taman TAR, Pulau Tiga, dan Taman Pulau Penyu. Peringkatnya Taman TAR ini jelas jika diperhatikan iaitu ia merupakan taman yang kedua diwartakan selepas Taman Negara Gunung Kinabalu.

Taman ini meliputi kawasan seluas 12,185 ekar. Pulau-pulau yang membentuk kawasan ini ialah Pulau Gaya, Pulau Sapi, Pulau Mamutik, Pulau Manukan dan Pulau Sulug. Pulau-pulau ini bukan sahaja menjadi kediaman haiwan-haiwan asli seperti tenggiling, kera, biawak benggala dan burung enggang, tetapi juga menjadi tempat persinggahan bagi burung-burung dari luar.

Dasar laut di sekitar pulau-pulau ini adalah melandai. Perairannya yang subur dan **pesam** menggalakkan pembentukan kawasan karang yang terdampar luas dengan pelbagai warna dan corak. Selain itu, ia dihiasi pelbagai jenis ikan, tapak sulaiman dan tumbuhan yang sungguh menarik.

Kekayaan hidupan laut di sini dapat disaksikan tanpa perlu menyelam jauh. Oleh itu jelaslah dengan keadaan pantai putih pasirnya dan ditambah dengan beberapa hidupan laut yang menakjubkan, pulau-pulau ini merupakan kawasan perairan yang paling indah di kawasan tropika.

1. Apakah makna **pesam** dalam petikan di atas?

- A Cantik
- B Hangat
- C Lembut
- D Indah

2. Nama singkatan bagi Taman Tunku Abdul Rahman ialah
- A Taman TAR
 - B Taman Tunku
 - C Taman Pulau Tiga
 - D Taman Samudera
3. Bilakah taman ini diwujudkan?
- A 1974
 - B 1975
 - C 1976
 - D 1977
4. Di bawah ini **benar** tentang Taman TAR **kecuali**
- A terdapat tiga taman laut
 - B luas taman ini 12185 ekar
 - C dua pertiga kawasannya berair
 - D taman ini terletak di Semenanjung Malaysia

2. Baca surat di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya.

JA 222/25, Jalan Jasmin,
Taman Permata,
77000 Jasin,
Melaka.

25 Jun 2006.

Menemui sahabatku Afiq sekeluarga, semoga berada dalam keadaan sihat, tenang, dan sentiasa bersabar.

Sahabatku,

Takziah saya ucapkan buat saudara sekeluarga. Saya mengetahui berita tersebut melalui siaran televisyen malam semalam. Harapan saya semoga saudara dan keluarga sabar dan tabah menghadapi dugaan hidup. Anggaplah apa yang berlaku sebagai takdir Tuhan. Sungguhpun peristiwa kebakaran rumah saudara yang menyebabkan adik saudara turut terkorban itu pahit tetapi bertenanglah. Kami berdoa agar rohnya ditempatkan bersama golongan orang yang beriman.

Saat-saat begini tentu saudara memerlukan teman. Sayangnya, kita terpisah jauh. Kita dihalang oleh Laut China Selatan. Bersama-sama ini saya menitipkan sumbangan yang tidak seberapa untuk meringankan beban saudara. Kami ikhlas membantu. Terimalah sumbangan ikhlas daripada seorang sahabat.

Sebelum mengundur diri, sampaikan salam takziah kami buat keluarga saudara. Sesungguhnya kami bersimpati akan penderitaan saudara sekeluarga.

Sehingga berjumpa lagi. Wassalam.

Sahabatmu,
Azim

(AZIM BIN ZAINUDIN)

1. Mengapakah Azim mengutuskan surat takziah kepada sahabatnya itu?

- A Kematian adik Afiq
- B Kebakaran rumah Afiq
- C Afiq adalah sahabatnya
- D Bersimpati akan nasib malang Afiq

2. Pada pendapat anda, di manakah tempat tinggal Afiq?

- A** Sabah
- B** Pahang
- C** Singapura
- D** Indonesia

3. Bilakah kejadian itu berlaku?

- A** 23 Jun 2006
- B** 24 Jun 2006
- C** 25 Jun 2006
- D** 26 Jun 2006

4. Apakah bentuk sumbangan Azim?

- A** Wang
- B** Pakaian
- C** Makanan
- D** Ubat-ubatan

3. Baca surat di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

No. 8 , Kilometer 7 ,
Jalan Bukit Katil ,
Kampung Duyong ,
75450 Melaka.

17 Mac 2006.

Menemui sahabatku, Aina Najihah yang kini berada di Alor Setar, Kedah. Semoga saudara sekeluarga sihat sejahtera.

Saudari,

Apa khabar saudara di sana? Saya di sini sihat-sihat sahaja. Surat saudara telah saya terima dua minggu yang lalu. Saya seronok membaca tentang Ceramah Keselamatan Jalan Raya yang telah diadakan di sekolah saudara. Tahniah, kerana saudara telah berjaya menjawab soalan kuiz pada akhir ceramah tersebut.

Pada minggu lepas, sekolah saya juga telah mengadakan satu ceramah kesihatan yang bertajuk, “ Kanak-kanak Memerlukan Makanan Berzat untuk Membesar ”. Ceramah itu telah disampaikan oleh Doktor Zakiah Zaidi dari Pusat Kesihatan Daerah Melaka Tengah.

Dalam ceramahnya, Doktor Zakiah menyatakan yang kanak-kanak memerlukan makanan berzat untuk kesihatan dan membantu tumbesaran mereka. Kekurangan zat makanan boleh menyebabkan pelbagai masalah antaranya mendapat penyakit yang berulang kali kerana kurang daya tahan badan dan membantutkan **pertumbuhan fizikal serta mental** mereka.

Beliau menasihati kami supaya mengelakkan memakan makanan dan minuman ringan yang kebanyakannya tidak mengandungi zat yang diperlukan oleh tubuh badan kita. Kita perlu mengambil makanan yang mengandungi tiga kumpulan makanan iaitu yang memberi tenaga, makanan pembina tubuh dan makanan pelindung.

Ini adalah sebahagian daripada perkara yang disampaikan oleh Doktor Zakiah. Sesungguhnya ceramah yang disampaikan oleh beliau banyak memberi manfaat kepada kami. Saya dan rakan-rakan mulai sedar betapa perlunya kita mengambil makanan yang berzat dan seimbang untuk tumbesaran dan kesihatan. Saya harap saudara juga menyedari akan hal ini.

Setakat ini saja yang dapat saya ceritakan. Mudah-mudahan dalam surat yang akan datang, saya akan menceritakan perkara yang lain pula. Seronok rasanya apabila dapat berkongsi pengalaman sebegini.

Sekian, semoga kita berjumpa lagi.

Sahabatmu,

Nurain Zafirah

1. Apakah kandungan utama surat Zafirah kepada sahabatnya ?
 - A Menceritakan tentang ceramah tumbesaran dan makanan ringan
 - B Menceritakan tentang ceramah pemakanan dan tumbesaran
 - C Menceritakan tentang ceramah keselamatan jalan raya
 - D Menceritakan tentang ceramah makanan berzat

2. Bilakah ceramah itu diadakan di sekolah penulis ?
 - A 3 Mac 2006
 - B 10 Mac 2006
 - C 15 Mac 2006
 - D 17 Mac 2006

3. Rangkaian kata-kata, **pertumbuhan fizikal serta mental** bermaksud
 - A pembesaran luaran dan dalaman.
 - B pertambahan berat badan dan fikiran.
 - C pertambahan berat badan dan ketinggian.
 - D pembesaran tubuh badan dan perkembangan otak.

4. Semua pernyataan berikut benar, **kecuali**
 - A kekurangan zat makanan merencatkan pertumbuhan fizikal dan mental kanak-kanak
 - B makanan seimbang penting untuk menjamin kesihatan tubuh badan
 - C makanan ringan tidak perlu dielakkan kerana mengandungi zat
 - D pemakanan mempengaruhi proses tumbesaran kanak-kanak

4. Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

KUALA LUMPUR, Selasa - Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam aplikasi komputer mampu membantu usaha pembudayaan maklumat dan teknologi maklumat (ICT) di kalangan masyarakat negara ini.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie berkata, hal ini penting kerana sebahagian besar rakyat Malaysia, terutama generasi muda melalui alam pendidikan dalam bahasa kebangsaan. Katanya lagi, dengan penggunaan bahasa Melayu sebagai perantara dalam aplikasi yang dihasilkan, terutama untuk kegunaan sendiri, sudah tentu akan membantu pembudayaan maklumat dan ICT di kalangan masyarakat.

“ Oleh itu, tidak ada bahasa perantara yang lebih sesuai melainkan dengan menggunakan bahasa kebangsaan sendiri. Tambahan pula, dalam usaha untuk mengejar maklumat dan pembangunan, hal-hal berkaitan nilai dan jati diri tidak boleh digadaikan,” katanya. Beliau berkata demikian ketika merasmikan pembukaan “Seminar Bahasa Melayu dalam Era Siber” di sini hari ini. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha II kementeriannya.

Seminar tiga hari anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya (UM) itu bertujuan mengumpul pakar ICT dan bahasa untuk merangka perancangan pembangunan ICT menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantara. Seminar yang bertemakan “ Pemerksaan Bahasa Melayu Sebagai Wahana Komunikasi Maklumat Alaf Baharu”, itu juga bertujuan untuk mengenal pasti masalah dan cabaran sebenar penggunaan bahasa Melayu dalam era siber serta penyelesaiannya.

Sementara itu, ketua Pengarah DBP, Encik A. Aziz Deraman berkata, perancangan strategik untuk mengangkat martabat bahasa Melayu dalam era siber perlu dibuat secara bersepadu dengan membabitkan semua pihak termasuk kerajaan dan sektor swasta. Menurutnya, DBP dengan kerjasama negara serantau juga sudah sepakat untuk menggerakkan bahasa Melayu menjadi bahasa utama pada abad akan datang. “Oleh itu, sudah menjadi tanggungjawab kita untuk menyediakan bahasa Melayu dalam era siber dengan menggunakannya sebagai bahasa perantara aplikasi komputer dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dunia,” katanya.

1. Siapakah yang menyampaikan ucapan dalam majlis tersebut ?

- A Menteri Tenaga, Komunikasi, dan Multimedia
- B Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka
- C Timbalan menteri Tenaga , Komunikasi, dan Multimedia
- D Timbalan Ketua Setiausaha II Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

2. Mengapakah Bahasa Melayu penting dalam penggunaan komputer negara kita?
- A Rakyat Malaysia lebih suka berbahasa Melayu
 - B Rakyat Malaysia tidak memahami bahasa Inggeris
 - C Dapat memupuk rasa cinta akan teknologi maklumat
 - D Bahasa Melayu sama taraf dengan bahasa Inggeris
3. Ucapan dalam berita di atas telah disampaikan semasa
- A perasmian majlis pembudayaan maklumat
 - B perasmian Seminar Bahasa Melayu dalam Era Siber
 - C perasmian Seminar anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka
 - D perasmian Seminar anjuran Akademik Pengajian Melayu
4. Perkara-perkara berikut terdapat dalam petikan **kecuali**
- A usaha memartabatkan bahasa Melayu terus dilakukan
 - B dalam mengejar kemajuan nilai murni mesti dipertahankan
 - C mahasiswa di universiti mesti menggunakan bahasa Melayu
 - D kerjasama semua pihak penting dalam melaksanakan perkara itu

5. Baca petikan di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya.

Kolej Melati Institut Kemahiran Mara (IKM) di Jasin, Melaka telah menganjurkan penyelidikan dan khidmat masyarakat di Kampung Parit Raja, Mukim Muar, Johor selama lima hari baru-baru ini.

Matlamat utama projek yang bertemakan 'Pelajar Turun Ke Desa' itu adalah untuk menjalinkan dan mengeratkan silaturrahim antara masyarakat kampung dengan kalangan intelek muda, khususnya penuntut pusat pengajian tinggi itu.

Dengan terlaksananya projek tersebut, sumbangan yang diberikan dapat membuka era baru dan meningkatkan taraf kemajuan penduduk kampung.

Unit Perhubungan Awam, IKM dalam satu kenyataannya memaklumkan, tujuan projek tersebut diadakan untuk mendapatkan maklumat tentang pelbagai masalah yang dihadapi oleh para penduduk kampung, khususnya di kampung tersebut.

Menurut kenyataan itu lagi, para peserta projek tersebut juga berpeluang melakukan penyelidikan, cuba untuk mencetuskan pandangan, pelan bertindak tentang sosial ekonomi dan lain-lain yang **bersangkutan** dengan kampung berkenaan.

1. Siapakah yang menganjurkan projek 'Pelajar Turun Ke Desa'?
 - A Para penduduk kampung di Johor.
 - B Para pelajar Kolej Melati IKM
 - C Masyarakat desa di Muar
 - D Para intelek muda Johor
2. Di manakah projek 'Pelajar Turun Ke Desa' itu diadakan?
 - A Di Muar, Johor.
 - B Di Kampung Parit Raja, Johor.
 - C Di kampung-kampung Mukim Muar.
 - D Di semua kampung yang terletak di negeri Johor.
3. Apakah kesan yang diharapkan daripada pelaksanaan projek itu?
 - A Mendapatkan maklumat tentang masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung.
 - B Membuka era baru dan mempertingkatkan taraf kemajuan penduduk kampung.
 - C Mengenal pasti masalah sosial ekonomi penduduk kampung.
 - D Meningkatkan keadaan ekonomi penduduk kampung.
4. Perkataan '**bersangkutan**' dalam petikan di atas bermaksud
 - A perhubungan
 - B bersamaan
 - C berkaitan
 - D berbeza